

**Saya tidak akan heret Najib dalam krisis MIC, kata timbalan presiden
The Malaysian Insider
Jun 23, 2015
Oleh Diyana Ibrahim**

Timbalan Presiden MIC Datuk Seri S. Subramaniam berkata tidak akan mengheret Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam krisis dalaman parti komponen Barisan Nasional (BN) itu, kerana yakin krisis itu dapat ditangani sendiri.

Subramaniam berkata berdasarkan pertemuannya dengan Najib pada Sabtu, ada petanda positif di mana kesemua ahli parti jelas dengan pendirian kepimpinan MIC.

"Untuk bertindak adil dengan perdana menteri, saya tidak mahu terlalu mengheret beliau dalam hal ini, kerana ia berkenaan krisis dalaman parti dan kita ada kapasiti sendiri untuk selesaikan.

"Pertemuan kita (dengan Najib) bagus pada Sabtu lalu dan ia melibatkan majoriti ketua bahagian.

"Kita berbincang tanpa berselindung dan parti amat jelas, kerana itu saya kata di akhirnya, parti politik yang akan membuat keputusan, dan perdana menteri dan BN akan berpandukan keputusan tersebut," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Dalam satu perhimpunan menyatakan sokongan terhadapnya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada Sabtu, Presiden MIC Datuk Seri G. Palanivel berkata Najib memihak kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) dan memberi tekanan kepada parti India itu menolak pemilihan parti yang diadakan pada 2013.

Susulan itu, Najib melalui Facebook dan Twitter berkata akan mendapatkan penjelasan Palanivel, selepas presiden MIC itu menyalahkannya berhubung krisis yang dihadapi parti itu.

Mengulas tindakan Palanivel membabitkan Najib, Subramaniam berkata beliau hanya diberitahu akan pertemuan presiden MIC itu dengan perdana menteri dalam masa terdekat.

Subramaniam berkata resolusi pada perhimpunan MIC lalu selari dengan keputusan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) dan mahkamah.

"Kita tidak buat keputusan berdasarkan kuasa yang ada pada kita, tapi ia semua berpandukan kepada RoS dan mahkamah, dan kita selari dengan arahan itu.

"Kalau ada sesiapa yang dakwa kita tidak selari dengan keputusan itu, ya, mereka boleh kata apa saja tapi secara undang-undangnya, adakah ia sah atau tidak," katanya.

Perhimpunan MIC baru-baru ini meluluskan resolusi bersetuju presiden parti bukan

lagi ahli parti.

Resolusi pertama diluluskan ialah MIC akan mematuhi arahan RoS menjalankan pemilihan semula dan menegakkan keputusan mahkamah, iaitu Palanivel dan 4 yang lain memfailkan saman terhadap RoS atas kapasiti peribadi.

Resolusi kedua ialah mengikut Perkara 91 Perlembagaan MIC, yang menyatakan urusan parti tidak boleh dibawa ke mahkamah tanpa kebenaran jawatankuasa kerja pusat dan sesiapa yang berbuat demikian akan gugur keahlian. – 23 Jun, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saya-tidak-akan-heret-najib-dalam-krisis-mic-kata-timbangan-presiden#sthash.Y8IJMiAq.dpbs>